

4 JAN 1996

Mahathir-Thai

PERJUMPAAN PERTAMA MAHATHIR DENGAN MASYARAKAT THAI

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

ALOR SETAR, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaannya yang pertama secara formal dengan masyarakat Malaysia keturunan Thai di Kampung Titi Akar, 40 km dari sini, perkampungan seumpamanya yang terbesar di negara ini.

Pada perjumpaan itu, Dr Mahathir juga mengumumkan perlantikan bekas Pengarah Kastam Kedah, Charern Intachart, sebagai Senator. Beliau merupakan rakyat Malaysia keturunan Thai yang pertama dilantik sebagai anggota Dewan Negara.

Dr Mahathir berkata beliau berasa amat gembira mendapat peluang berjumpa dengan masyarakat itu buat kali pertama secara formal. Sebelum ini hasrat untuk berbuat demikian terpaksa ditangguh beberapa kali disebabkan tugas-tugas rasmi yang lain.

"Perjumpaan ini juga adalah untuk menepati janji yang saya buat semasa kempen pilihan raya dahulu," katanya kepada kira-kira 2,000 anggota masyarakat keturunan Thai yang datang dari beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Menurut Charern, kini terdapat 50,000 rakyat keturunan Thai di Malaysia dan majoritinya tinggal di Kedah.

Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas perjumpaan itu bahawa masyarakat Thai merupakan sebahagian daripada beberapa kaum minoriti di Malaysia yang bilangan mereka terlalu kecil untuk mewajarkan mereka mempunyai wakil rakyat yang dipilih dalam pilihan raya.

Bagaimanapun melalui perlantikan sebagai senator, wakil masyarakat Thai seperti juga masyarakat minoriti yang lain seperti keturunan Portugis dan Indonesia, boleh menjaga kepentingan kaum masing-masing.

Charern, 56, ialah Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Masyarakat Thai di Malaysia.

Dalam ucapannya pada perjumpaan itu, Dr Mahathir berkata masyarakat Thai di negara ini telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara dan tidak pernah menimbulkan masalah di samping berasimilasi dengan baik dengan masyarakat Malaysia dari keturunan lain.

"Inilah keindahan Malaysia. Semua bangsa boleh hidup secara aman antara satu dengan lain. Contohnya di Sabah dan Sarawak, saya diberitahu terdapat 86 kumpulan etnik di sana yang juga hidup secara harmoni," katanya.

Perdana Menteri berkata hanya dengan wujudnya keamanan dan perpaduan kaum, pembangunan akan dapat dijalankan dengan lancar.

Malah, katanya, banyak negara maju sukar untuk mewujudkan suasana harmoni di kalangan rakyat mereka yang pelbagai kaum.

"Orang Bosnia dan Serb sendiri yang sama rumpun dan satu bahasa juga tidak boleh berbaik-baik dan berperang," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak berhasrat untuk memaksa suku kaum di Malaysia mengubah cara hidup atau budaya mereka, sebaliknya mereka bebas mengamalkan budaya dan agama mereka.

Dr Mahathir seterusnya menasihati penduduk luar bandar supaya tidak membiarkan diri mereka dihasut oleh golongan yang menentang pembangunan.

Sambil menyifatkan golongan seperti itu sebagai kumpulan iblis, beliau berkata apabila kerajaan merancang membuat pembangunan di sesebuah kampung, kumpulan itu akan datang untuk menghasut penduduk kampung berkenaan supaya menolaknya.

Beliau meminta penduduk kampung di luar bandar supaya menerima pembangunan yang dirancang oleh kerajaan seperti program penempatan

berkelompok penduduk di kampung-kampung baru.

"Melalui rancangan itu, kerajaan akan lebih mudah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur di samping dapat mengurangkan kos.

"Sekiranya penduduk kampung berselerak, kos pembangunannya lebih tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata setiap rakyat perlu sedar bahawa "kita tidak boleh mengharap orang lain untuk menjaga negeri kita".

Beliau memberi contoh kejadian di Bosnia apabila 14 kaum Bosnia Islam diculik oleh pihak Serb tetapi pemerintah pasukan NATO (Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara) di republik itu enggan membantu walaupun diminta oleh kerajaan Bosnia.

"Komander NATO kata ia bukan kerja NATO (untuk membantu mangsa culik) tetapi itu kerja polis," kata Dr Mahathir sambil menyifatkan pemerintah pasukan pengaman NATO itu sebagai "pengecut dan bacul."

Beliau berkata rakyat Malaysia harus membuktikan bahawa mereka boleh melakukan apa yang dihajati melalui usaha keras dan saling bekerjasama.

"Sekiranya penduduk kita bertelingkah dan bergaduh, bekas penjajah kita iaitu 'Orang Putih' akan ketawa kepada kita. Mereka akan kata Malaysia akan hanya boleh senang dan maju sekiranya mereka terus menjajah. Mereka kata kita tidak tahu mentadbir negeri sendiri," katanya.

Pada persidangan akhbar kemudian, Perdana Menteri berkata kerajaan sedia memberi latihan kepakaran kepada masyarakat minoriti di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada arus pembangunan negara.

"Kerajaan juga mahu melihat masyarakat Thai dan masyarakat minoriti lain turut maju dan menikmati segala kemudahan yang wujud," katanya. --

BERNAMA